Kemunculan China sebagai kuasa ekonomi tidak seharusnya dibimbangkan

UM 22 MAY 2002

TOKYO 21 Mei — Negara-negara ASEAN tidak seharusnya bimbang dengan kemunculan China sebagai kuasa ekonomi kerana masih ada peluang yang boleh direbut oleh ASEAN dalam perkembangan ekonomi serantau dan dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad menegaskan, hakikat China akan muncul sebagai kuasa ekonomi tidak dapat diketepikan lagi tetapi kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN akan membolehkan mereka secara bersepadu menandingi China.

Beliau berkata, China kini menjadi ancaman daripada segi menarik Pelaburan Luar Langsung (FDI) yang menyaksikan pelaburan ke negara itu telah mengurangkan aliran FDI ke negara-negara ASEAN.

Gejala ini merupakan ancaman kepada perdagangan dunia negara-negara ASEAN, katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucaptama bertajuk *China - Satu Cabaran atau Peluang untuk ASEAN* pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-8 anjuran Nihon Keizai Shimbun, di sini hari ini.

Dr. Mahathir menerima tepukan gemuruh para hadirin sambil berdiri apabila beliau memasuki dewan persidangan dan selepas menyampaikan ucaptama.

Menurut Perdana Menteri lagi, China yang mempunyai tenaga buruh yang murah dan terlatih, di samping potensi pasaran domestik yang besar mampu menghasilkan barangan pada skala besar dengan harga yang murah.

Ini membolehkan barangan yang dihasilkan oleh China berdaya saing dan mampu menyisihkan barangan keluaran Asia Tenggara, Jepun dan Korea.

Menurutnya, senario ini menjadikan negara-negara Asia Tenggara, Jepun dan Korea kehilangan bahagian pasaran bagi barangan berteknologi rendah tetapi disukai ramai.

Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan China akan menguasai pasaran bagi barangan kilang tetapi menegaskan masih ada pasaran tersendiri bagi barangan berkualiti tinggi dan berjenama yang dihasilkan oleh negara lain.

Beliau memberi contoh di mana Barat memberikan tumpuan kepada penghasilan produk berkualiti dan berprestij seperti kereta motor, jam dan peralatan audio sebagai jawapan kepada kemasukan barangan Jepun yang murah tetapi berkualiti tinggi.

Katanya, pasaran bagi barangan seperti ini tidak luas tetapi memberi keuntungannya besar.

Menurut Perdana Menteri, perdagangan antara negara-negara ASEAN berkembang pesat dan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) akan menjadi mereka semakin menarik kepada pelabur-pelabur luar yang ingin melabur dalam pasaran ASEAN yang besar.

Beliau memberi contoh sudah terdapat pembuat kereta melabur di negara-negara ASEAN untuk mengambil peluang pasaran yang luas dan juga tenaga buruh terlatih.

Dr. Mahathir menegaskan, sekalipun FDI semakin berkurangan dan pertumbuhan eksport semakin sukar, Asia Tenggara masih mampu mendapat bahagian ekonomi untuk diri mereka sendiri dan masih mampu menandingi China.

Perdana Menteri juga menyifatkan kemunculan China sebagai kuasa ekonomi tidak harus membimbangkan negara-negara ASEAN kerana China sudah tentu tidak akan 'memiskinkan' negara-negara lain terutama Asia Tenggara.

Menurut beliau, apabila China menjadi sebuah negara kuasa ekonomi yang kaya, ia akan memerlukan banyak barangan yang tidak dapat dikeluarkan oleh negara itu.

Malahan, katanya, perdagangan antara ASEAN dan China telah meningkat sejak negara itu mengamalkan dasar terbuka.

Beliau meramalkan pertumbuhan perdagangan ini akan menjadi lebih rancak dengan kemasukan China ke dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Perdana Menteri juga menyentuh mengenai Perkumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) dan menegaskan dengan kemasukan China ke dalam EAEG, sebarang cabaran oleh negara itu yang mungkin boleh merosakkan Asia Tenggara, boleh dibincangkan dalam forum tersebut.

Katanya, jika EAEG boleh memberi sumbangan ke arah menghalang cabaran China daripada merosakkan ekonomi negara-negara anggota dalam kumpulan itu, sudah pasti China juga akan mendengar dan mengambil kira kesan cabarannya terhadap negara-negara Asia Tenggara.

Justeru beliau berkata, amat sukar memahami kenapa ada tentangan terhadap EAEG kerana ia boleh membawa keamanan di Asia Timur dan keamanan ini adalah baik bagi rantau ini dan dunia.

Menurutnya, EAEG adalah seperti juga Kesatuan Eropah (EC) yang kejayaan utamanya bukanlah di bidang ekonomi tetapi mewujudkan keamanan di Eropah.

Beliau berkata, China akan memberi cabaran kepada Asia Tenggara tetapi EAEG akan membantu menyelesaikan masalah yang mungkin dihadapi.

Yang penting, katanya, ialah sikap negara-negara Asia Tenggara sendiri terhadap China.

"China adalah cabaran dan peluang. Perkara ini nyata. Sama ada kita untung atau rugi daripada cabaran dan peluang yang ditawarkan oleh China, bergantung kepada Asia Tenggara sendiri," jelasnya. — *Utusan*